

# Utusan Malaysia

3 February 2019

## JCorp buka Kulim Agrotech Centre



PRESIDEN dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim (dua dari kanan) pada majlis pembukaan kompleks penyelidikan dan pembangunan (R&D) Kulim Agrotech Centre di Kota Tinggi, Johor, sebentar tadi. - UTUSAN ONLINE

KOTA TINGGI 3 Feb. - Johor Corporation (JCorp) melancarkan pembukaan kompleks penyelidikan dan pembangunan (R&D) Kulim Agrotech Centre melibatkan kos pembangunan keseluruhan berjumlah RM20 juta.

Pembukaan kompleks anak syarikat JCorp, Kulim (Malaysia) Bhd. (Kulim) di atas tanah seluas 2.87 hektar dan beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga 2018 itu disempurnakan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim.

Kamaruzzaman berkata, kompleks itu akan menempatkan lima bahagian operasi iaitu biak baka tanaman, kultur tisu, makmal kimia, genomik dan mikrobiologi serta pentadbiran agronomi dan khidmat nasihat.

"Dengan adanya kompleks ini secara tidak langsung akan membantu Kulim mengembangkan bidang penyelidikannya," katanya berucap dalam pelancaran kompleks Kulim Agrotech Centre di sini sebentar tadi.

Beliau berkata, pembukaan kompleks itu adalah aspirasi kerajaan Johor untuk membudayakan sains dan teknologi serta mencipta nilai baharu dalam R&D. - UTUSAN ONLINE

